



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 27 MAC 2024**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	PAC GESA SISTEM SMART PADI DISEGERAKAN, BH -ONLINE MP BUKIT GANTANG: MANA 140,000 METRIK TAN BERAS TEMPATAN?, MALAYSIA KINI -ONLINE NACCOL PANTAU HARGA NAIK, NEGARA, KOSMO -16 GHAIB 4 BULAN, LOKAL, HM -23 BEKU PERMIT PINDAH PADI KELUAR NEGERI, LOKAL, HM -23 PASTIKAN BENIH PADI TIBA IKUT JADUAL MENANAM, DALAM NEGERI, UM -30 BERAS: TIBA MASA UNTUK BERKERAS, DALAM NEGERI, UM -2 BEKU PERMIT PINDAH PADI KELUAR DARI TERENGGANU, NASIONAL, BH -20	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
9.	APMM TAHAN BOT TUNDA DIKENDALIKAN EMPAT WARGA ASING, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	LADANG BAWANG UNTUK ASNAF MELAKA, NEGARA, KOSMO -18 MELAKA MAHU WUJUDKAN LADANG BAWANG ASNAF, SH -ONLINE MELAKA WUJUD LADANG BAWANG ASNAF TAHUN DEPAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MELAKA BAKAL WUJUDKAN LADANG BAWANG DIUSAHAKAN ASNAF, MELAKA HARI INI -ONLINE MORE CHEERS THAN TEARS, MUKA DEPAN, THE STAR -1 TEARS TO KEEP FLOWING OVER HIGH ONION PRICES, NATION, THE STAR -3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
16. 17. 18.	PERTANIAN MENEGAK TAMBAH BAIK NUTRISI TANAMAN, KOMENTAR, BH -11 BAJA BIO-ORGANIK UNTUK TANAMAN BERKUALITI TINGGI, LOKAL, HM -17 LOGHAT UTARA ADIB JADI TARIKAN, LOKAL, HM -18	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

## PAC gesa sistem SMART Padi disegerakan



Foto hiasan/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) memohon pembangunan sistem SMART Padi disegerakan.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermiyati Samsudin, berkata penggunaan sistem itu juga perlu diawalkan berbanding perancangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Beliau berkata, ia bagi memastikan data pesawah berintegriti, sekali gus membolehkan pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dilaksanakan secara lebih telus, efisien dan teratur.

"PAC juga dimaklumkan, laporan KPI bagi pelaksanaan 10 obligasi sosial sudah dibangunkan dan disediakan sebanyak dua kali setahun.

"Justeru, PAC mahu laporan KPI berkenaan ditingkatkan kepada empat kali setahun yang dilaksanakan setiap suku tahun bagi memastikan BERNAS benar-benar mematuhi pelaksanaan 10 obligasi sosial," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mas Ermiyati berkata, KPKM juga perlu memastikan setiap obligasi sosial dipersetujui BERNAS dan kerajaan dalam perjanjian dipatuhi sepanjang tempoh konsesi.

"Selain itu, KPKM juga perlu memastikan akaun amanah dana obligasi sosial diselenggara dengan baik serta segala penyaluran dan penggunaan dana berkenaan mengikut syarat ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Laporan PAC Parlimen Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kewangan (MoF) dan KPKM bagi Syor Laporan PAC berhubung Terimaan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi Dan Beras Negara (DR.7/2023) dibentangkan, hari ini.

Laporan itu, katanya, bertujuan memaklumkan tindakan susulan diambil KPKM terhadap syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC berkaitan DR.7/2023 yang dibentangkan di Parlimen pada 11 Oktober lalu.

"Dalam setiap tindakan susulan terhadap syor laporan PAC, jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada tindakan susulan berkenaan.


"PAC sudah mengadakan prosiding tindakan susulan MoF dan KPKM, membabitkan tiga saksi, pada 11 Mac lalu.

"Mereka ialah, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) MoF, Datuk Dr Shahrazat Ahmad; Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali serta Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras merangkap Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras KPKM, Datuk Azman Mahmood," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	MALAYSIA KINI	ONLINE	

### MP Bukit Gantang: Mana 140,000 metrik tan beras tempatan?



Ahli Parlimen Bukit Gantang Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mendedahkan maklumat keberadaan 140,000 metrik tan beras tempatan seperti dimaklumkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (Naccol) pada 20 Mac ini.

Ini selepas Syed Abu Hussin yang juga pengerusi pasukan petugas (kluster makanan) Naccol berkata bahawa keberadaan beras tempatan masih rendah.

"Dalam mesyuarat Naccol dipengerusikan oleh Perdana Menteri (Anwar Ibrahim) bahagian penguatkuasaan KPKM telah mengumumkan bahawa ada 140,000 metrik tan beras putih tempatan tersedia untuk dijual pada harga RM26

"Sebenarnya, pengumuman itu mengejutkan saya dan juga perdana menteri sendiri sebab selama tujuh bulan ini kita kehilangan beras putih tempatan. Tetapi, bagaimana tiba-tiba dalam mesyuarat keluar pula 140,000 metrik tan sehingga perdana menteri dalam kenyataan berkata apabila PM naik angin, beras tempatan keluar. Ini menjadi satu tanda persoalan.

"Jadi, saya meminta kementerian supaya disenaraikan semua kilang-kilang yang mengedarkan beras tempatan itu supaya kita tahu kilang mana yang menyimpan beras tersebut. Ini penting bagi kita untuk pastikan keberadaan beras tempatan di pasaran," katanya kepada *Malaysiakini*.

Sebelum ini, Anwar berkata laporan mengenai beras putih tempatan yang diberikan kepadanya dalam mesyuarat itu tidak selari dengan tawaran makanan asasi itu yang tiada di pasaran.

Katanya, ini kerana tinjauannya ke lapangan mendapati banyak aduan apabila beras putih tempatan memang wujud tetapi tidak dijual di kedai.

"Bila ditegaskan dalam mesyuarat kerana berapa pengeluaran kita tahu dan keputusan kerajaan semua keperluan polis, tentera dan sekolah asrama dalam kontrak kerajaan beli beras import supaya beras tempatan masih dalam edaran.

"Jadi bila kita tekankan itu, ada maklumat sekitar 140,000 metrik beras tempatan dalam edaran. Tak cukup untuk semua tetapi kita tumpukan kepada miskin bandar dan di kawasan kampung dan pedalaman," kata Anwar.

Sementara itu, Syed Abu Hussin berkata bahawa Kementerian juga perlu mendedahkan kawasan-kawasan yang diedarkan beras tempatan.

"Pasukan petugas kami setiap dua hari turun padang buat pemantauan. Daripada 60 lokasi yang kami membuat pemantauan cuma 10 sahaja ada beras tempatan. Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras (Azman Mahmood) dalam satu program televisyen berkata bahawa 140,000 metrik tan ini akan diedarkan dengan segera.

"Rakyat nak tahu di mana beras itu? Rakyat selama ini mungkin tak dapat bekalan beras yang sepatutnya kerana kegiatan manipulasi melibatkan kartel dan penguatkuasa.

"Jadi kali ini kita nak lihat apa yang akan berlaku, betul ke 140,000 metrik tan ini ada di pasaran atau tidak? Ini penting kerana ia melibatkan keputusan paling tinggi dalam negara iaitu Naccol, majlis yang ditubuhkan untuk memantau dan mengurangkan kos sara hidup, pemantauan itu penting supaya tidak ada penipuan," katanya.

Dihubungi kemudian, Azman berkata bahawa dia menyerahkan isu ini untuk dijawab oleh menteri KPKM Mohamad Sabu.

"Lebih baik, menteri yang menjawab," katanya.



Bagi elak manipulasi melampau pada musim perayaan

## NACCOL pantau harga naik

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** – Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) akan melakukan pemantauan terhadap barangan keperluan khususnya sayur, beras, ayam dan daging bagi mengesan sebarang unsur manipulasi yang akan menyebabkan kenaikan harga melampau menjelang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz, Syed Abdul Fasal berkata, manipulasi harga barangan oleh kartel setiap kali tiba musim perayaan mesti dihalang demi kebajikan rakyat.

"Dua malam lepas (Sabtu) saya melihat harga sayur masih lagi berpatutan tetapi penjual memaklumkan ia akan mula naik seminggu sebelum raya (Aidilfitri) disebabkan permintaan tinggi.

"Ini normal dalam keadaan (prinsip) permintaan penawaran tetapi kita hendak mengelakkan manipulasi (harga)," katanya di sini kelmarin.

Beliau ditemui selepas melakukan pemeriksaan terhadap bekalan beras di beberapa pasar raya besar di bandar raya ini selain mengadakan pertemuan dengan Pasukan Penggerak Madani Terengganu.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, bahagian penguatkuasaan Task Force NACCOL akan turun padang menjelang akhir Ramadan ini untuk memantau harga dan keberadaan bekalan



**SYED ABU HUSSIN** meninjau bekalan beras di sebuah pasar raya besar di Kuala Terengganu semalam.

barangan keperluan di seluruh negara.

Beliau berkata, pemeriksaan bertujuan memastikan tidak berlakunya sebarang aktiviti manipulasi harga yang akan menje-

jaskan kesejahteraan rakyat.

"Perkara (hasil pemantauan) ini kita akan maklumkan kepada Pengerusi NACCOL, iaitu Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim)." katanya.



## Beras putih tempatan hilang dari pasaran tanpa diketahui punca

Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

**Kuala Terengganu**

**B**ekalan beras putih tempatan didapati hilang dari pasaran di Terengganu sejak empat bulan lalu.

Ketua Task Force Peman-tauan Kluster Makanan Ma-negara (Naccol), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, beliau dimaklumkan berlaku ke-tiadaan beras tempatan di negeri ini tanpa diketahui puncanya.

Menurutnya, pasukan di-ketuai beliau melakukan pemeriksaan setiap dua ha-ri ke 70 lokasi untuk me-lihat keberadaan beras pu-tih tempatan.

Katanya, laporan yang di-

terima mendapati hanya sedikit sahaja bekalan be-ras tempatan yang berada di pasaran.

“Di negeri ini belum ada (beras tempatan) walau di empat bulan beras putih tempatan tiada di pasaran walaupun pada 19 Mac, Perdana Menteri, mengu-mumkan sebanyak 140 tan metrik beras putih akan di-edarkan.

“Naccol menggesa Baha-

gian Kawal Selia Padi Dan Beras segera mengedarkan beras putih tempatan ke pasar raya di seluruh ne-gara,” katanya.

Beliau berkata bekalan beras putih tempatan yang dijual pada harga siling RM26 untuk setiap 10 ki-logram amat diperlukan rakyat terutama pada bu-lang puasa ini dan menje-lang Aidilfitri nanti.

Sebelum ini Mesyuarat Naccol Bil 1/2024 yang di-

perkerusi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memutuskan em-pat perkara untuk menga-tasi isu kekurangan beras di pasaran.

Antara tindakan itu ialah kerajaan mengarahkan se-mua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk keguna-an pasaran tempatan de-ngan serta merta.



SYED Abu Hussin (kiri) meninjau bekalan beras putih tempatan di sebuah pasar raya di Kuala Terengganu.

# Ghaib 4 bulan



## Beku permit pindah padi keluar negeri

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri mengarahkan pembekuan semua permit pemindahan padi keluar negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi, Dr Azman Ibrahim berkata arahan pembekuan pemindahan padi keluar negeri antara mekanisme kawalan bagi mengelak hasil padi negeri dijual ke negeri lain.

Katanya, pemindahan padi tanpa permit satu kesalahan dan mereka yang terbabit boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.

"Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Padi negeri ada mekanisme kawalan mengelak hasil padi negeri ini dijual ke kilang di negeri lain.

"Padiberas Nasional Berhad (Bernas) tidak akan membayar subsidi

**"Mereka yang terbabit boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994"**

harga padi kepada petani menghantar hasil tanamannya ke kilang di negeri lain," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Azman berkata, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras diminta menjalankan pemeriksaan berkala di sempadan bagi memastikan tiada pelanggaran kesalahan dilakukan.

Katanya, Bernas membuat pemeriksaan secara berkala bagi memastikan harga lantai belian padi iaitu RM1,300 bagi satu metrik tan di kilang dalam negeri mengikut ketetapan harga kawalan seperti ditetapkan," katanya.



<b>TARIKH</b>	<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
27/8/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

## Pastikan benih padi tiba ikut jadual menanam

**ARAU:** Isteri, kelewatan bedakan benih padi perlu diberi perhatian bagi mengelakkan permasalahan sama berulang pada musim tanaman pertama.

Adi Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guar Sen, J. Mohd. Ridzuan Hashim berkata, penghantaran benih padi pada musim tanam pertama perlu dipastikan pesawah mengurangkan tanaman mereka mengikut jadual Pertubuhan Padang Kawasan (PPK) masing-masing.

Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Menteri Belia, Sukan dan Pudu berkata, pihaknya akan memantau dan menguruskan masalah ini dengan berkesan.

Menurut beliau, tuncu dan padi tidak dapat ditanam mengikut jadual tanam kerana faktor cuaca dan akan menyebabkan masalah sama berulangnya walaupun bekalan air mencukupi.

Saya faham masalah ini kerana jika dibiarkan, ia akan menyebabkan kawasan sawah sudah dibajak bagi memulakan musim tanam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan memberi perhatian agar isu sama tidak berulang, katanya.

*Utusan Malaysia* melaporkan bahawa kerajaan telah mengumumkan bahawa kerajaan MADA berdepan kerugian sehingga RM40 juta semasa sekiranya mereka lewat mengisytiharkan musim tanam berulangnya.

Isi kelewatan mengagihkan benih kepada pesawah di Kedah dan Perlis, Kedah-duanya dan Perlis, MADA berdepan kerugian RM100,000 kerana bekalan perkaru baharu tetapi berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Jadual pada itu, Mohd. Ridzuan Hashim berkata, benih padi yang belum diwujudkan sehingga kini juga dibahangi balak mengandungi permasalahan sama. Beliau berkata, ia kerana musim tanam berulangnya.

bagi fasa satu ini akan mula masuk ke kawasan sawah bermula 17 April ini dan harapannya agar isu benih padi ini tidak berulang, katanya.

27/3/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

2

## Beras: Tiba masa untuk berkeras

NAMPANNYA isu hablagaan bahan beras putih tempatan dari pasaran masih tidak selesai, selepas Menteri Pertanian dan Agribusiness Datuk Seri M. Saifuddin bin Yusoff mengumumkan dalam mesyuarat Majlis Tindakan dan Saran Hidup Negara (NACCOL) pada 19 Mac lalu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri.

Tujuan akhir ini di seluruh negara mendapati rakyat masih sukar menemui beras tempatan sama ada sama ada di pasar raya besar, apatah lagi di kedai-kedai runcit kecil-kecilan di kawasan kampung.

Hairan betul? Ke mana perginya 140,000 tan metrik beras yang disebut Perdana Menteri dalam mesyuarat itu? Adakah ia disimpan di gudang? Atau ia diangkut pula oleh Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras beberapa hari lalu.

Apakah tempoh seminggu selepas pengumuman oleh Perdana Menteri tidak cukup untuk pengilang dan pemborong beras mengedarkannya ke seluruh negara atau sememangnya beras putih tempatan tiada stok?

Dalam masa yang sama, harga beras import juga tidak turun seperti yang diputuskan oleh mesyuarat NACCOL. Antara alasan yang diberikan oleh peniaga ialah beras sedentah sudah habis.

Namun, apabila harga itu sebenarnya satu arahan yang boleh dianggarkan. Ini kerana harga beras import tidak ada harga siling. Maka, mudah sahaja pengilang, pemborong dan peniaga memampulasi harga.

Di sebalik semua kemelut dan tipu helah geng beras ini, rakyat sebagai pengguna hanya boleh menunggu sahaja. Situasi ketiadaan beras tempatan di pasaran pada hari ini sama sahaja seperti yang berlaku beberapa minggu atau beberapa bulan lalu.

Adakah kerajaan seolah-olah tidak dihiraukan. Akibatnya mak tak mak rakyat terpaksa membeli beras import kerana ada mulut yang perlu ditutup walaupun harganya mahal sedikit.

Harapan untuk melihat isu ini selesai selepas 19 Mac lalu nampaknya tidak kesampaian, malah menambah lagi lagi misteri kepada masalah beras ini. Semua orang prihatin, semua orang bincang tetapi masih tidak selesai, itulah mistiknya.

Terangnya juga mengapa kerajaan tidak mahu mengizinkan pelbagai cadangan yang dikemukakan oleh rakyat untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah kerajaan yang turut mengutamakan pesawah. Apakah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras ada perancangan lain?

Memandangkan isu ini sudah berlarutan sangat lama sehingga menyusahkan rakyat terbanyak, sudah tibaanya masanya kerajaan memperkenankan satu langkah yang tegas, keras dan berani dan mungkin juga luar biasa dalam menangani isu ini.

Beras tempatan wajar dilekalkan di bawah kawalan kerajaan. Janganlah ia diangkut ke seluruh negara kerana ia yang dihasilkan oleh pesawah di seluruh negara wajar dihantar ke gudang ini. Apa sahaja urusan berkaitan beras tempatan perlu dilakukan di gudang ini. Ini akan memudahkan penyelesaian dan pemantauan makanan raji rakyat itu.

Tidak perlulah risaukan tentang pengilang atau pemborong besar yang mungkin terkesan akibat langkah itu kerana mereka tidak pernah pun memikirkan keikhlasannya rakyat apabila beras tidak di pasaran selama ini.

Kerajaan juga boleh memampulakan pengilang berprestasi itu, selain memampulkan kepada pemborong import yang memberikan keuntungan lelembay.

**Imelli Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia/Wilayah Persekutuan**



# Bekuan permit pindah padi keluar dari Terengganu

Mekanisme kawalan dilaksanakan elak hasil dijual ke negeri lain

Oleh Baharom Bakar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri mengarahkan semua permit pemindahan padi keluar daripada negeri ini, dibekukan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Kementerian Makanan dan Komoditi, Dr Azman Ibrahim, berkata arahan itu antara mekanisme kawalan

bagi mengelakkan hasil padi negeri dijual ke negeri lain.

Katanya, pemindahan padi tanpa permit adalah satu kesalahan dan mereka yang terbabit boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.

"Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Padi negeri mempunyai mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi daripada

negeri ini dijual ke kilang di negeri lain.

"Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) tidak akan membayar subsidi harga padi kepada petani yang menghantar hasil tanamannya ke kilang di negeri lain," katanya ketika dihubungi, semalam.

## Pemeriksaan di sempadan

Dr Azman berkata, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras diminta untuk terus menjalankan rondaan serta pemeriksaan berkala di sempadan bagi memastikan tiada pelanggaran arahan dan kesalahan dilakukan.

Katanya, BERNAS juga secara berkala akan membuat pemeriksaan bagi memastikan harga lantai belian padi iaitu RM1,300 bagi satu tan di kilang dalam negeri mengikut ketetapan harga kawalan seperti ditetapkan.

"Kita negeri pertama yang mengawal hasil padi daripada dijual keluar dari negeri ini dan justifikasi kawalan adalah disebabkan ketidakcukupan padi dalam kalangan pengilang tempatan dan hasil padi dalam negeri.

"Terdapat empat kilang padi yang beroperasi di seluruh negeri ini dan tiga daripadanya adalah milik Bumiputera," katanya.

Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Padi negeri mempunyai mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi daripada negeri ini dijual ke kilang di negeri lain

Azman Ibrahim,  
Pengerusi  
Jawatankuasa  
Pertanian, Industri  
Asas Tani,  
Keterjaminan  
Makanan  
dan Komoditi



Mengulas lanjut, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, berkata jumlah keluasan kawasan penanaman padi di seluruh negeri adalah seluas 12,542 hektar.

Daripada jumlah itu, katanya, seluas 5,323 hektar membabitkan kawasan dalam jelaung dan 7,221 hektar adalah di luar kawasan luar-jelaung.

"Jumlah pengeluaran hasil padi keseluruhan setahun adalah sebanyak 63,760 tan," katanya.





BOT tunda yang ditahan di Sungai Rungkup, Lumut pada Sabtu lalu.

## APMM tahan bot tunda dikendalikan empat warga asing

**LUMUT** - Sebuah bot nelayan tempatan kelas B1 bersama empat nelayan warga asing ditahan Maritim Malaysia (APMM) Perak pada kedudukan kira-kira 7.9 kilometer (km) barat daya muara Sungai Rungkup di sini pada Sabtu lalu.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohamad Shukri Khotob berkata, bot tersebut dikesan sedang melakukan aktiviti menangkap ikan oleh pasukan operasi bot APMM kira-kira pukul 6.45 petang.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot berkenaan mendapati, bot itu dikendalikan oleh seorang tekong bersama tiga kru warga

Myanmar berumur dalam lingkungan 29 hingga 30 tahun.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, bot tersebut beroperasi kurang dari 14.8km dari daratan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu beroperasi kurang dari 14.8km dari daratan.

Mohamad Shukri berkata, kesemua nelayan yang ditahan bersama bot dan hasil tangkapan beserta peralatan menangkap ikan telah dirampas dan diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM untuk tindakan lanjut.



# Ladang bawang untuk asnaf Melaka

**JASIN** – Kerajaan negeri akan membangunkan ladang bawang untuk golongan asnaf sebagai inisiatif membantu meningkatkan taraf hidup, sekali gus keluar daripada paras pendapatan garis kemiskinan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Akmal Saleh berkata, cadangan itu masih di peringkat penelitian termasuk mengenal pasti tanah kerajaan yang tidak digunak-

Katanya, sebagai permulaan, pelbagai akan dibuka kepada 50 peserta asnaf yang menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Melaka.

"Asnaf mestilah berusia bawah 50 tahun dan masih sihat. Semua perbelanjaan akan diuruskan Pertubuhan Peladang dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penyampalan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Jasin kepada 308 penerima asnaf di Lipat Kajang, di sini semalam.

Tambahnya, antara lokasi awal dicadangkan untuk dibangunkan adalah di kawasan-kawasan lapang pencawang elektrik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Melaka mahu wujudkan ladang bawang asnaf



Muhamad Akmal

JASIN - Kerajaan negeri mahu mewujudkan ladang bawang asnaf bagi meningkatkan taraf hidup golongan itu bermula tahun depan.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata, langkah itu tidak mustahil akan membawa transformasi kepada golongan itu

untuk keluar daripada paras pendapatan garis kemiskinan (PGK).

Menurutnya, usaha itu juga sekali gus dapat meningkatkan tahap sara diri (SSL) bawang negara yang masih terlalu rendah.

Katanya, kerajaan negeri menasarkankan 50 peserta dalam kalangan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sebagai peserta awal.



Muhamad Akmal (dua dari kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada penerima pada Program Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Jasin kepada asnaf di Lipat Kajang, pada Selasa.

"Mereka yang terlibat mestilah merupakan asnaf berusia bawah 50 tahun dan mempunyai sihat tubuh badan supaya dapat mengikuti latihan pertanian secara percuma dari mula

hingga akhir termasuk proses menuai bawang.

"Semua perbelanjaan awal akan diuruskan Pertubuhan Peladang dan agensi pelaksana lain, malah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan diwajibkan membeli semua hasil tanaman itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Jasin kepada 308 penerima asnaf di Dewan Lipat Kajang, di sini, pada Selasa.



Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau berkata, setakat ini proses mengenal pasti lokasi ladang berkenaan sedang dilakukan sama ada sesuai diwujudkan di tanah milik kerajaan yang terbiar ataupun tanah di bawah pencawang elektrik.

Menurutnya, permohonan projek itu juga telah dikemukakan kepada kementerian berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menyambut baik termasuk mempunyai bajet untuk disalurkan melalui Pertubuhan Peladang.

"Fokus kita untuk mengurangkan bilangan asnaf di negeri ini, contoh hari ini ada 308 asnaf, mungkin tahun depan berkurangan kepada 200 orang selepas mereka berjaya menyertai program itu," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Melaka wujud ladang bawang asnaf tahun depan



Dr Akmal Saleh

JASIN – Melaka bercadang mewujudkan ladang bawang asnaf yang diusahakan golongan itu bermula tahun depan bagi meningkatkan taraf hidup sekali gus terkeluar daripada paras pendapatan garis kemiskinan (PGK).

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka Dr Akmal Saleh berkata, usaha itu juga dilihat dapat meningkatkan tahap sara diri (SSL) bawang negara yang masih terlalu rendah.

Menurutnya, kerajaan negeri menyasarkan 50 peserta dalam kalangan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) sebagai peserta awal.

“Syaratnya, asnaf ini mestilah berusia bawah 50 tahun yang masih sihat supaya boleh mengikuti latihan pertanian percuma dari mula sampai akhir sehingga dapat menuai bawang sendiri.

“Modal mereka cuma kudrat kerana semua perbelanjaan awal akan diuruskan Pertubuhan Peladang dan agensi pelaksana lain termasuklah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan diwajibkan membeli semua hasil tanaman itu,” katanya.



Dr Akmal menyampaikan sumbangan kepada asnaf

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau berkata demikian pada Program Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Jasin kepada 308 penerima asnaf di Lipat Kajang, di sini hari ini.

Mengulas lanjut Dr Akmal berkata, pihaknya kini sedang mengenal pasti beberapa bidang tanah milik kerajaan yang terbiar termasuk tanah di bawah pencawang elektrik bagi merealisasikan perkara itu.

“Fokus utama kita adalah untuk mengurangkan bilangan asnaf di negeri ini, sebagai contoh hari ini ada 308 asnaf, mungkin tahun depan berkurangan kepada 200 orang kerana ramai yang sudah melepasi paras garis kemiskinan.



**“Untuk permulaan, kita sasar 50 asnaf bermula awal tahun depan dan setakat ini saya dah bincang dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk laksanakan ladang ini di Melaka,” katanya.**

**Tambahnya, permohonan projek itu juga telah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menyambut baik termasuk mempunyai bajet untuk disalurkan melalui Pertubuhan Peladang. – MalaysiaGazette**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	MELAKA HARI INI	ONLINE	

## Melaka bakal wujudkan ladang bawang diusahakan asnaf



MERLIMAU 26 Mac – Kerajaan Melaka berhasrat mewujudkan ladang bawang yang diusahakan asnaf bagi membantu golongan tersebut keluar dari kepompong kemiskinan.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, pihaknya menyasarkan 50

peserta terdiri dalam kalangan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) untuk terlibat dalam program berkenaan.

Usaha itu juga, jelas beliau, adalah bertujuan meningkatkan tahap pengeluaran bawang negara yang masih terlalu rendah.

“Jadi kita akan mengumpulkan asnaf-asnaf ini dengan syarat mereka mestilah di bawah usia 50 tahun, masih sihat dan dapat mengikuti latihan pertanian dari awal sehinggalah dapat menuai hasil bawang sendiri.

“Mereka tidak perlu mengeluarkan sebarang perbelanjaan kerana modal mereka hanyalah kudrat dan segalanya akan diuruskan Pertubuhan Peladang, selain ia juga akan dibantu agensi dan jabatan lain termasuklah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutan (FAMA) akan diwajibkan membeli semua hasil tanaman itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Jasin kepada 308 penerima asnaf di Dewan Lipat Kajang, di sini, hari ini.

Dr. Muhamad Akmal yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Merlimau berkata, Kerajaan Negeri kini sedang mengenal pasti beberapa tanah milik kerajaan bagi merealisasikan hasrat tersebut.

Menurut beliau lagi, permohonan projek tersebut telah diangkat ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang menyambut baik usaha berkenaan.

“Setakat ini, kita sasar 50 asnaf untuk bermula awal tahun depan dan saya juga sudah berbincang dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk melaksanakan ladang ini di Melaka.

“Melalui projek ini, misi utama kita ialah untuk mengurangkan asnaf di Negeri Melaka. Kalau dapat kita lihat, pada majlis ini, seramai 308 asnaf menerima sumbangan dan kita berharap selepas ini jumlah itu akan berkurangan,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	THE STAR	MUKA DEPAN	1

# More cheers than tears



Celebratory flavours are assured as onions, essential for festive dishes, will remain plentiful despite India's export ban. However, due to the necessity of importing onions from alternative sources, prices are expected to rise. > **See reports on page 3 by ZAKIAH KOYA and GERARD GIMINO**



# Tears to keep flowing over high onion prices



By ZAKIAH KOVA

zakiah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The teary issue of onions is set to persist as prices are expected to rise due to supply concerns.

With the main supply currently coming from China and Pakistan, the government is seeking a remedy with an order of 100,000 tonnes from India ahead of the Hari Raya celebrations, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.


"Discussions are still ongoing and I expect this issue to be settled by May," he added.

On Dec 8, the Indian government prohibited the export of onions till March 31 this year, but the ban has been extended indefinitely due to a looming general election there.

In the meantime, Mohamad said the government was taking contingency measures by looking at other countries such as South Korea, Taiwan and Japan for onions.

"The demand for onions is very high during Ramadan and Hari Raya as many dishes need this ingredient. Most Malaysian dishes require big red onions and the use of onions in Malay dishes comes from Indian influence. Thus, the demand for Indian onions," he said.

Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali said in



**Popular ingredient:** Customers choosing onions at a supermarket in Subang Jaya, Selangor. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

2023, Malaysia imported about 526,000 tonnes (worth RM945m) of onions from Japan and South Korea, with the bulk of it coming from Japan.

The ministry said the government had also implemented shallot-planting through the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), Agriculture Department and the Farmers' Organisation Authority (LPP), with MARDI being the seed supplier.

Domestic Trade and Cost of

are bigger compared with the Indian variety, are being sold for between RM5.29 and RM12.90 per kg.

Further checks in the Klang Valley showed grocery stores selling onions from Pakistan and Myanmar, with the big red variety priced between RM8.90 and RM10.90 per kg.

A grocery store operator in PJ Old Town here said he even had to source for onions from Myanmar.

"We used to buy only Indian onions, which most customers prefer. But since India implemented the ban last December, we had to source from other countries.

"The price is very high at RM10.90 but people still buy, though in smaller quantities. The ones who suffer the most are the small traders who spend more on onions in their dishes to be sold in bazaars," said the operator.

Another grocery store owner in Petaling Garden, who wished to be known only as Raymond, said he sources his onions from Karachi, Pakistan.

"The demand for onions is high but I have enough stock for now. I sell big red onions at RM8.90 per kg," he added.

Housewife M. Lakshmy, 35, said with onions being a main ingredient in her cooking, she had to be creative and use less of it so as not to break her budget.

"In place of onions, I use leeks or dry onion powder for the taste. But for certain dishes, we have no choice but to use onions," she lamented.

Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said onions were among 186 items monitored daily by the ministry's enforcement unit.

"Although imported onions are not a controlled food item, we monitor the price daily to ensure that there is no profiteering as they are a food ingredient needed by the masses.

"As the supply of onions comes under the purview of the Agriculture and Food Security Ministry, we liaise with them to ensure there is constant commu-

nication. Our role is to monitor prices and supplies to make sure that consumers do not suffer from exorbitant prices when there is low supply.

"Consumers can check the prices of onions on our ministry's app Price Catcher," said Armizan.

Although the app showed that Indian onions were still available in some places, prices varied widely with the lowest at RM5.99 per kg, going up to RM20 per kg in some areas.

Chinese big red onions, which



# Pertanian menegak tambah baik nutrisi tanaman



Oleh Dr Muhammad Hafiz Che Othman  
bhrencana@bh.com.my

**Pertanian** menegak menjadi tumpuan inovasi dalam menangani dua cabaran utama dalam pertanian bandar, iaitu keterjaminan makanan dan penambahbaikan nutrisi hasil tanaman.

Umumnya, ia membabitkan kaedah penanaman dalam struktur bertingkat, di samping menyediakan persekitaran pertumbuhan optimum menggunakan teknologi agrikultur terkawal. Sekali gus membolehkan ruang terhad di bandar digunakan secara efisien dan ideal dipraktikkan di kawasan berpenduduk padat.

Dengan menggunakan sistem hidroponik atau aeroponik, tanaman mendapat akses kepada nutrien secara langsung melalui akar, memastikan persekitaran pertumbuhan seperti cahaya, suhu, kelembapan, kualiti udara dan nutrien sesuai bagi pertumbuhan tanaman.

Ini membantu dalam mengurangkan risiko penyakit dan serangga perosak, tidak dipengaruhinya faktor iklim luar serta menyumbang kepada model pertanian lebih mampan dan cekap.

Pertanian menegak mengalaminya pertumbuhan pesat, terutama di Jepun, Korea Selatan, Belanda dan Amerika Syarikat (AS) disebabkan kepakaran teknologi dan kepesatan urbanisasi di samping pening-

katan per permintaan hasil tanaman lestari. Menurut Market Research Future, pasaran industri pertanian menegak dijangka berkembang dari pada AS\$6.2 bilion (RM29.3 bilion) pada 2023 kepada AS\$33.5 bilion (RM158.2) menjelang 2032.

Di negara ini, pasaran pertanian menegak juga semakin berkembang dengan peningkatan kesedaran mengenai potensinya dalam kelestarian pertanian bandar.

Warga bandar semakin sedar kepentingan mendapatkan hasil tanaman segar ditanam secara tempatan, sekali gus merangsang penubuhan ladang dan kilang tanaman sayuran.

## Optimumkan kecekapan sumber

Keistimewaan kaedah pertanian ini terletak pada upaya menambah baik kualiti nutrisi tanaman dan mengoptimumkan kecekapan sumber. Melalui kaedah memanipulasi parameter pertumbuhan secara dinamik, teknologi dapat memastikan bekalan makanan mampan sambil meningkatkan kandungan nutrisi dalam tanaman.

Malah, ia juga dapat mengoptimumkan kecekapan sumber melalui pengurusan sumber air, cahaya, suhu dan nutrien tepat bagi pertumbuhan tanaman optimum. Teknologi ini menggunakan sistem tanaman tertutup, mengurangkan keperluan penggunaan racun perosak.

Bagaimanapun, usaha penambahbaikan kualiti tanaman dan kecekapan sumber sistem pertanian me-

negak masih berterusan kerana ia mempunyai cabaran tersendiri.

Kepelbagaian jenis tanaman, peningkatan hasil dan kandungan nutrisi tanaman, kawalan serangga perosak serta kecekapan penggunaan tenaga antara aspek perlu diberikan keutamaan.

Justeru, kepakaran tempatan dalam pelbagai bidang termasuk agronomi, biologi, bioteknologi dan kejuruteraan wajar dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti tanaman serta kecekapan sistem itu supaya akses hasil segar berkualiti dapat ditingkatkan.

Universiti awam dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) giat melaksanakan penyelidikan sejak hampir 10 tahun lalu. Malah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bakal menubuhkan kilang tanaman dan kemudahan penyelidikan berkaitan pertanian menegak persekitaran terkawal di kampus induk dijangka beroperasi pada 2025.

Dalam hal ini, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyediakan geran padanan bagi pembangunan pertanian menegak persekitaran terkawal bagi tanaman bernilai tinggi dengan kadar insentif hingga RM 200,000.

Melalui inisiatif ini, Jabatan Pertanian memperkenalkan teknologi *Veggie Factory* yang membolehkan kaedah pertanian itu diaplikasikan di dalam kawasan bangunan industri mahupun dalam unit kediaman.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	HARIAN METRO	LOKAL	17



NORDIN berpuas hati kesan Baja Nadi dalam menghalang jangkitan kulat Ganoderma.



TEAM Baja Nadi bersedia dalam memastikan kapasiti pengeluaran yang optimum.

Oleh Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my

**B**aja Nadi, inovasi baja terkini dalam dunia pertanian berjaya menarik perhatian ramai petani terutama pengusaha tanaman sawit apabila penghasilan tanaman mereka meningkat dan berkualiti.

Terinspirasi daripada kesan dan akibat penggunaan baja kimia yang kini meningkat kepada alam sekitar, Pengasas Baja Nadi, Hasrul Hassan dengan tekad menggabungkan bahan semula jadi untuk mencipta formula unik yang memenuhi keperluan tanaman secara optimum. "Saya kombinasikan semua bahan utama dan di hantar ke makmal yang diperakui, untuk menilai kekuatan dan kebolehpayaan baja ini bagi menggantikan baja kimia yang kita sedia maklum memberi kesan secara langsung kepada tanah dan manusia," katanya.

Dengan kandungan bahan semula jadi yang diperakui dan bebas daripada bahan berbahaya, Baja Nadi menjadi pilihan yang selamat dan berkesan untuk tanaman. Hasrul berkata, Baja Nadi sangat berbeza dengan jenama lain kerana ia dibuat daripada bahan semula jadi yang melalui ujian kekuatan dan keberkesanan di makmal diperakui.

Menurutnya, perkara itu bagi memastikan setiap penggunaan Baja Nadi membawa manfaat yang optimum kepada tanaman dan tanah.

"Baja Nadi mengandungi kandungan mikroba baik yang tinggi untuk membantu dalam meningkatkan kesihatan tanah dan

# Baja Bio-Organik untuk tanaman berkualiti tinggi

*Baja Nadi terima perhatian peminat pertanian dengan peningkatan, kualiti hasil tanaman*

menghalang jangkitan penyakit.

"Ini membuktikan keberkesanan baja ini dalam menyuburkan tanah dan meningkatkan produktiviti tanaman secara semula jadi," katanya.

Operasi Baja Nadi yang berpusat di Yong Peng, Johor sejak 2013 menunjukkan kesungguhan syarikat ini dalam memberikan sokongan kepada industri pertanian tempatan.

Hasrul berharap Baja Nadi akan terus menjadi pilihan utama dalam industri pertanian dengan memberikan alternatif yang selamat, berkesan dan berpatutan kepada petani.

"Selepas lebih 10 tahun berada di pasaran, saya juga berharap Baja Nadi ini



*Ini membuktikan keberkesanan baja ini dalam menyuburkan tanah dan meningkatkan produktiviti tanaman secara semula jadi"*

Hasrul

dapat membantu semua petani mengubah persepsi atau upaya fikir ke arah yang lebih bermanfaat. "Bukan itu saja dengan menggunakan Baja Nadi ini, saya berharap ia dapat mengembalikan tanah kepada sifat semula jadi dan boleh menghalang jangkitan penyakit.



*Apabila Baja Nadi diletakkan di tanah, pembiakan mikroba yang ada dalam Baja Nadi ini akan bersifat kolonial"*

Iqbal

"Pada masa sama, boleh meningkatkan produktiviti dan yang paling penting harga yang ditawarkan adalah sangat kompetitif berbanding baja yang ada di pasaran terutama baja kimia," katanya.

Pengarah Urusan Baja Nadi, Iqbal Nordin berkata, tiga perkara utama mengenai Baja Nadi yang perlu diberi perhatian ialah kemampuannya untuk menstabilkan pH tanah dan menyuburkan tanah.

Seterusnya, katanya, baja ini akan menghalang jangkitan penyakit bawaan tanah dan akhir sekali, meningkatkan hasil tanaman.

"Apabila Baja Nadi diletakkan di tanah, pembiakan mikroba yang ada dalam Baja Nadi ini akan bersifat kolonial. "Mikrob-mikrob baik itu akan berkembang dan menjalankan fungsi tersendiri," katanya.

Dengan pengalaman lebih dari 10 tahun, di pa-



HAFIZ seronok hasil pengeluaran sawit miliknya setelah menggunakan Baja Nadi.

saran, Baja Nadi berjaya membuktikan kesannya membantu petani menghasilkan tanaman berkualiti tinggi dengan kos kompetitif.

Selain itu, ia turut membantu terutama pengusaha tanaman sawit dalam menghalang serangan kulat Ganoderma iaitu musuh utama tanaman sawit.

Bagi peneroka sawit di Felda Redong 1, Segamat, Mohd Nor Hafiz Jaafar berkata, selepas menggunakan Baja Nadi ini, sepanjang 12 bulan, secara purata hasil sawitnya setiap bulan melebihi 10 tan.

Katanya, hasil tertinggi yang pernah diperolehi adalah 17.45 tan untuk kebun sawit yang berkeluasan 10 ekar.

"Memang rasa seronok-

lah kalau dapat hasil macam ini," katanya.

Sementara itu, peneroka sawit di Felda Keratong 8, Nordin Yunus berkata, Baja Nadi ini mampu menyelamatkan pokok sawit akibat serangan Ganoderma.

"Biasanya pokok yang sudah berlubang akibat serangan Ganoderma akan tumbang dan mati. "Tetapi, apabila saya menabur Baja Nadi pada pangkalnya, alhamdulillah dalam masa tiga bulan, pokok kembali berbuah dan mula pulih," katanya.

Dengan sokongan berterusan daripada masyarakat, Baja Nadi yakin dapat terus menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan sektor pertanian negara dengan baja bio-organik ini.



HASRUL komited dalam memastikan kualiti Baja Nadi pada tahap terbaik.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2024	HARIAN METRO	LOKAL	18

Oleh Redzuan Muharam  
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Kangar**

**K**einginan memperkenalkan Perlis kepada orang luar mendorong Muhammad Adib Hashim memuat naik perkongsian apa saja yang menarik mengenai negeri kelahirannya itu di TikTok. Perkongsian pemuda mesra disapa Adib dalam loghat utara juga menarik perhatian kerana tertarik melihat gayanya yang bersahaja.

Ber cerita lanjut, Adib, 29, yang berasal dari Bukit Keteri, di sini, berkata, dia aktif di TikTok sejak tahun lalu dengan niat asal mempromosikan perniagaan harum manis yang ditanam di kebun keluarganya.

Tanpa disangka, perkongsian baru-baru ini mendapat perhatian dan Adib melihat ia peluang baik untuk mempromosikan perniagaan harum manis dan Perlis secara tidak langsung.

"Dulu, saya memang bantu arwah ayah usahakan kebun harum manis, tapi ayah meninggal tahun lalu kerana Allah SWT lebih menyayanginya.

"Selepas pemergian ayah, saya dan keluarga teruskan usaha kebun serta perniagaan harum manis sampai sekarang.

"Memandangkan harum manis asalnya dari Perlis,



**PROMOSI PERLIS**

# Loghat utara Adib jadi tarikan



ADIB membalut harum manis di kebun keluarganya.

jadi apa salahnya kongsi kan pengetahuan mengenai buah itu di TikTok kerana mungkin ada tidak tahu ia sudah diwartakan serta sesuai ditanam di Perlis kerana iklimnya.

"Saya pula jenis ulat buku kerana suka membaca jadi mahu selit juga ilmu dalam setiap perkongsian," katanya.

**“ Dalam tempoh semalaman, saya dapat 1,000 pengikut baru Adib**

Adib yang menuntut di peringkat Doktor Falsafah (PhD)

Kejuruteraan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor berkata, dia tidak menyangka perkongsian ringkasnya itu mendapat perhatian hingga pengikutnya bertambah tidak sampai 24 jam.

"Waktu muat naik video itu, saya baru lepas balut buah dan dalam tempoh semalaman, saya dapat 1,000 pengikut baru.

"Menggelikan hati juga apabila baca komen mereka malah ada yang sampai teringin nak datang kerana belum pernah jejak Perlis.

"Penerimaan baik itu memberi idea sebenarnya untuk kongsi lebih banyak video memandangkan saya pun jenis suka teroka banyak tempat di Perlis," katanya yang juga mahu memperkenalkan lagi produk bakeri keluarannya.